



**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
NEGERI MELAKA**

Aras 5, Menara Persekutuan
Jalan Persekutuan, Ayer Keroh
75450 Melaka

Tel : 06-2895000
Faks: 06-2345201 / 5202 / 5207
Web: www.anm.gov.my/index.php/utama-melaka

Ruj Kami : ANM(UKPP)MEL/12 (27)
Tarikh : 12 Mei 2023
Bersamaan : 21 Syawal 1444H

Ketua Pusat Tanggungjawab / Pusat Pembayar

Tuan,

**ARAHAN KERJA BIL. 25/2023/O : PENGHANTARAN PENYATA SARAAN
DARIPADA PENGGAJIAN (BORANG E) KE LEMBAGA HASIL DALAM
NEGERI MALAYSIA (LHDN)**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa setiap majikan (Pusat Tanggungjawab/ Pusat Pembayar Gaji) adalah bertanggungjawab mengemukakan Borang E kepada LHDNM selewat-lewatnya pada 31 Mac tahun berikutnya.

3. Oleh yang demikian, pihak tuan diingatkan supaya memastikan Borang E tersebut dihantar mengikut tarikh yang ditetapkan bagi mengelak sebarang bayaran denda dikenakan. Justeru, semasa pengisian Borang E, PTJ hendaklah mengisi ruangan cara pengemukaan CP8D (item no.13) dengan memilih "**Melalui e-Data Prais**" seperti contoh di bawah. Ini adalah kerana data CP8D telah dihantar oleh Pejabat Perakaunan ke LHDNM secara Data Prais semasa proses penjanaan Penyata Pendapatan Tahunan (EC Form) pada setiap awal tahun.

Contoh adalah seperti dibawah :

13 Cara pengemukaan C.P.8D

1 = Melalui e-Data Prais/e-CP8D

2 = Pemacu USB

3 = Melalui e-mel kepada CP8D@hasil.gov.my menggunakan e-mel seperti di ruang 12

4 = Dikecualikan *

* Nota = Pengecualian ini terpakai kepada majikan yang terdiri daripada Pemilikan Tunggal, Perkongsian, Keluarga Sekutu Hindu dan Harta Pusaka yang tiada pekerja sahaja

Kerjasama dan perhatian tuan berhubung perkara ini amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"Memperkasakan Budaya Inovasi Digital"

Saya yang menjalankan amanah,

(SHABIBAH BINTI BACHOK C.A.(M),CPA (Aust))

Pengarah Negeri,

Jabatan Akauntan Negara Malaysia, Negeri Melaka.